

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Misi perkukuh dagangan sawit di Jepun

▶ MUKA 3

MPOB menang dua anugerah MCY 2017

▶ MUKA 5



IMPAC dilantik Badan Peneraju Industri sektor perladangan, komoditi

➔ Latih 78,000 pekerja mahir menjelang 2020

Oleh Mohd Solah Deraman dan Noor Asmawati Abd Samad
solah@mpob.gov.my dan watie@mpob.gov.my

► Putrajaya

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, sehingga Disember lalu, Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) melatih purata 7,800 peserta melalui pusat latihan di bawah enam agensi setiap tahun dan menjangka 78,000 peserta daripada golongan belia dapat dilatih menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, angka itu masih kecil berbanding keperluan ketika ini yang mempunyai 331,000 tenaga kerja asing daripada 538,000 orang yang bekerja dalam sektor perladangan dan komoditi.

“Usaha menggalakkan tenaga kerja tempatan dalam industri ini amat penting bagi memastikan sektor perladangan dan komoditi

menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pengurangan kebergantungan kepada pekerja asing,” katanya pada majlis Penganugerahan Konvokesyen IMPAC kali ke-5 Tahun 2017, pada Disember lalu.

Pada majlis itu, seramai 726 peserta yang berjaya menamatkan kursus dalam pelbagai bidang kemahiran menerima sijil masing-masing.

Yang turut hadir, Pengerusi IMPAC yang juga Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din dan ketua pengarah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Jadi pusat sehati

Pada majlis sama, IMPAC dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (ILB) dalam sektor perladangan dan komoditi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Watikah lantikan diserahkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Dr Mohd Rashid Buyong Hamzah kepada Ahmad Kushairi.

Sebagai ILB, IMPAC akan menjadi pusat sehati bagi menyelaras, mengawal selia dan merancang aktiviti yang akan dijalankan terhadap semua kursus serta latihan dalam



Siew Keong menyaksikan penyerahan watikah lantikan IMPAC sebagai Badan Peneraju Industri bagi latihan sektor perladangan dan komoditi daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran.

sektor perladangan serta komoditi mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).

Selaras saranan kerajaan, melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), IMPAC akan menjalin kerjasama strategik dengan beberapa agensi pelaksana latihan seperti Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Kolej Yayasan Pahang (KYP), International Institute of Plantation and Management (IIPM), The Incorporated Society of Planters (ISP) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Kerjasama ini sangat penting dalam mengoptimalkan latihan dijalankan bagi pembangunan modal insan secara dua hala dalam melahirkan pelatih yang kompeten dalam sektor perladangan dan komoditi.

Kejayaan dikecapi IMPAC pada hari ini tidak terhad kepada bilangan pelatih saja tetapi turut dilihat melalui pencapaian pelatih IMPAC pada peringkat antarabangsa, termasuk pelatih IMPAC melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) membawa pulang Medalli-

on for Excellence di pertandingan kemahiran WorldSkills Competition 2017 di Abu Dhabi National Exhibition Centre, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Oktober lalu.

Siew Keong berkata, bagi mencapai sasaran IMPAC melatih belia tempatan melahirkan pekerja berkemahiran dalam industri komoditi, kerjasama dan sokongan pihak industri penting dengan menjadi penaja kepada latihan dijalankan IMPAC dan pelatih yang mengikuti latihan boleh diserapkan sebagai pekerja di syarikat berkenaan.

Bantu kurangkan kos

“Ini membantu kerajaan mengurangkan kos perbelanjaan latihan yang mana IMPAC akan menjadi ‘training provider’ kepada pihak industri dan belia yang tamat kursus secara terus akan mendapat jaminan pekerjaan. Kerjasama ‘menang-menang’ ini akan membantu menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi,” katanya.

IMPAC ditubuhkan bagi menggabung dan menyelaras

semua kursus dan latihan dilaksanakan agensi MPIC. Penubuhan IMPAC bagi melahirkan tenaga kerja terlatih dalam sektor komoditi yang juga antara sektor terbesar menyumbang kepada pendapatan eksport negara.

Bagi menarik minat belia mengikuti latihan dan bekerja dalam sektor perladangan dan komoditi, penjenamaan IMPAC dibuat dengan melancarkan laman web bagi menghebahkan aktiviti latihan dilaksanakan setiap agensi MPIC serta permohonan mengikuti latihan secara dalam talian.

IMPAC juga menyasarkan menjadi institusi pilihan belia seluruh negara dalam bidang latihan kemahiran di sektor perladangan dan komoditi serta melahirkan tenaga kerja tempatan, seterusnya memenuhi hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi.

Bagi mencapai sasaran itu, generasi muda digalakkan menceburi sektor perladangan dan komoditi yang kini memerlukan sekurang-kurangnya 54,000 tenaga kerja.

Selamat Tahun Baharu 2018. Tahun 2017 telahpun melabuhkan tirainya

Dalam konteks industri sawit, tahun 2017 telah melakar sejarahnya yang tersendiri kerana meraikan ulang tahun ke-100 perusahaan sawit secara komersial dengan pembukaan ladang sawit pertama, Ladang Tennamaran pada tahun 1917 di Batang Berjuntai (kini Bestari Jaya), Kuala Selangor. Sejak itu industri sawit terus memacu langkah dan kini merupakan tunggak penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Ironinya, perusahaan sawit yang dimulakan oleh seorang berbangsa Perancis, Henri Fauconnier hingga menjadi gergasi ekonomi negara cuba dinafikan hak oleh bangsa dan rakan-rakan negara kelompoknya iaitu Kesatuan Eropah (EU). Tindakan EU yang mendiskriminasi minyak sawit memberi impak besar terhadap sumber pendapatan rakyat Malaysia terutama golongan pekebun kecil sawit.



MINDA
Datuk Dr Ahmad Kushairi Din

Ketua Pengarah MPOB

Berikutan tindakan mendiskriminasi minyak sawit dengan minyak sayuran lain terutama dalam pengeksportan biodiesel sawit, EU sebenarnya mewujudkan halangan dalam hubungan dagangan dua hala antara Malaysia dan negara-negara EU. Ini nyata bercanggah dengan komitmen EU kepada Pertubuhan Dagangan Dunia (WTO).

Walau bagaimanapun, dalam menangani cabaran ini Kerajaan akan meneruskan usaha bagi memastikan minyak sawit terus bergerak seiring dengan perkembangan global, sejajar dengan kemajuan ekonomi dan teknologi yang bergerak pantas merentasi sempadan dunia. Selaras dengan Transformasi Nasional 2050 (TN50), industri sawit perlu memanfaatkan penggunaan teknologi dan rangkaian komunikasi bagi meningkatkan amalan automasi, pengeluaran mampan, peningkatan produktiviti dan kualiti produk sawit.

Dalam konteks MPOB, tahun 2017 melakar pelbagai kejayaan bersama dengan pengiktirafan dan pencapaian yang diperoleh. Antaranya, Anugerah Khas Indonesia- INNOVA Innovation Award dan Best Malaysia Innovative Product Award serta pingat Emas, Perak dan Gangsa sempena International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2017; dan Anugerah Khas 'The Best Invention', pingat Emas dan Gangsa di Malaysia Technology Expo (MTE) 2017.

MPOB juga menerima pengiktirafan dalam bidang penguurusan kewangan iaitu Sijil Pematuhan SAGA daripada Ketua Akauntan Negara. Terbaru MPOB memperoleh dua anugerah sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2017 iaitu Anugerah Usahasama Penyelidikan dan Perniagaan serta Anugerah Usahawan Penyelidik.

Bagi MPOB, aktiviti R&D dan pengkomersialan teknologi serta inovasi yang bermanfaat kepada industri sawit akan terus diberi keutamaan. Perkembangan terkini akan dikongsi bersama bagi memastikan kesejahteraan industri sawit negara.

Pada tahun 2018, MPOB akan terus bekerja keras dalam melaksanakan fungsinya dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta kawal selia untuk terus memartabatkan industri sawit negara di persada dunia. Tahun 2018 bermula dengan penganjuran seminar Palm Oil Economic Review and Outlook pada 18 Januari 2018 yang membentangkan pencapaian prestasi industri sawit tahun 2017 serta visi tahun 2018.

Adalah dijangkakan tahun 2018 akan terus ditempuhi dengan penyelesaian isu dan cabaran terutamanya kekangan eksport minyak sawit yang berkait dengan Resolusi Kesatuan Eropah, isu kualiti seperti 3MCPD dan GE serta kekurangan tenaga buruh dan adaptasi mekanisasi ladang.

Usaha gigih, kerjasama MPOB-industri dan semangat berpasukan menjadi teras dalam meningkatkan keyakinan dan kekuatan bagi mengharungi cabaran 2018.

Selamat Tahun Baru 2018.

kushairi@mpob.gov.my



Sebarang percubaan untuk membezakan atau tidak menyenaraikan biodiesel sawit akan memberi kesan negatif kepada kerjasama perdagangan Eropah-Malaysia dan rantau Asia Tenggara dalam konteks lebih luas”

Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi



EU diskriminasi biodiesel sawit

➔ Tindakan disifatkan sebagai langkah ke belakang dalam hubungan perdagangan dengan Malaysia

Oleh **Ahmad Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya

Langkah mengecualikan biodiesel sawit daripada tenaga diperbaharui oleh Kesatuan Eropah (EU) adalah penindasan bersifat pilih kasih serta langkah ke belakang dalam hubungan perdagangan antara EU dan Malaysia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata Parlimen EU untuk mengesahkan pengharaman biodiesel sawit di Eropah, di bawah Arah Tindakan Diperbaharui EU (RED) adalah langkah mundur dalam hubungan dua hala EU dan Malaysia.

Katanya, kerajaan akan segera mengambil tindakan untuk melin-

dungi 650,000 pekebun kecil dan menjamin masa depan sektor sawit yang meningkatkan taraf hidup jutaan rakyat Malaysia serta membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.

“Selain Jawatankuasa Industri, Penyelidikan dan Tenaga (ITRE) yang dilaksanakan pada 28 November lalu, saya merujuk kepada undi Jawatankuasa Alam Eropah (ENVI) pada Oktober 2017 yang jelas menunjukkan EU sengaja merancang menyekat import biodiesel sawit.

Beri kesan negatif

“Sebarang percubaan untuk membezakan atau tidak menyenaraikan biodiesel sawit akan memberi kesan negatif kepada kerjasama perdagangan Eropah-Malaysia dan rantau Asia Tenggara dalam konteks lebih luas.

“Bagaimanapun, ITRE menyokong pula pengeluaran minyak bijian lain yang menjadi saingan kita untuk terus berpayung di bawah RED sedangkan minyak sawit disisihkan,” katanya dalam satu kenyataan.

Siew Keong berkata, Kerajaan Malaysia tidak dapat menerima sekatan perdagangan yang bersifat melindungi pihak tertentu, yang bercanggah dengan komitmen EU kepada Pertubuhan Dagangan Dunia (WTO).

Beliau berkata, selaku peneraju dalam penghasilan minyak sawit

mampan di peringkat global, Malaysia memberi komitmen serius dalam mewajibkan semua pengeluaran minyak sawit negara mematuhi syarat persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MPSO).

Usaha lindungi hutan Malaysia

Katanya, usaha melindungi hutan Malaysia jauh lebih berkesan berbanding kebanyakan negara Eropah, malah Malaysia diiktiraf sebagai pengeksport biodiesel sawit negara antara yang termaju di dunia termasuk oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Bank Dunia.

“Malaysia juga penerima Sijil Kemampanan dan Karbon Antarabangsa (ISCC) dari Jerman, sekaligus membuktikan pengeksport Malaysia menepati standard ketat ditetapkan pengguna di Eropah.

“Ini secara tidak langsung membuktikan tindakan Ahli Parlimen EU memperlekehkan minyak sawit Malaysia sebagai perbuatan hina dan memperkecilkan diri sendiri kerana cuba menghasut Parlimen EU supaya menolak minyak sawit.

“Dalam hal ini, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, diberi tanggungjawab memantau perkembangan di Parlimen EU terutama sentimen Ahli Parlimennya, berkaitan minyak sawit Malaysia,” katanya.

Misi perkukuh dagangan sawit di Jepun

➔ Tingkat jaringan kerjasama, eskport produk agrikomoditi

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

► Tokyo

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mengetuai satu teknik dan promosi agrikomoditi ke Tokyo, Jepun pada pertengahan bulan lalu.

Misi ini bagi mengukuhkan eskport produk agrikomoditi, termasuk sawit ke Jepun dan meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak berkaitan.

Ketika misi di Tokyo, Siew Keong mengadakan pertemuan dengan 65 peserta membabitkan pengurusan tertinggi syarikat pengimport komoditi terbesar di Jepun, termasuk Pengerusi Nissin OilliO Group, Takao Imamura; President J-Oil Mills Inc, Fuminao Hachiuma dan Timbalan Pengurus Besar Showa Sangyo Co Ltd, Daisuke Ito.

Pengimport minyak, lelemak

Ketiga-tiga syarikat ini adalah pengimport minyak dan lelemak terbesar dengan lebih daripada 80 peratus syer dalam pasaran Jepun.



Siew Keong ketika pertemuan dengan pengurusan Nisshin OilliO bagi membincangkan peluang kerjasama untuk meningkatkan eskport minyak sawit Malaysia ke Jepun.

Pertemuan ini bukan sahaja meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak tertentu di Jepun, malah menggalakkan import minyak sawit dan agrikomoditi Malaysia oleh syarikat Jepun.

Selain itu, Siew Keong dan delegasi turut mengadakan lawatan teknikal ke Nisshin OilliO Group dan Kao Corporation, bagi membincangkan peluang kerjasama untuk meningkatkan perdagangan, serta pelaburan antara industri sawit Malaysia dan syarikat pengguna sawit berkenaan.

Antaranya, peningkatan sokongan dan pengimportan minyak

sawit Malaysia serta peluang pelaburan dalam sektor hiliran sawit, seperti pengeluaran tokotrienol (vitamin E) sawit di Malaysia.

Yang turut serta dalam lawatan teknikal itu ialah Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din; Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia (LGM), Dr Zairossani Mohd Nor; Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Datuk Dr Jalaluddin Harun; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dr Kalyana Sundram; Pengerusi Majlis Pensijilan Minyak Sawit Ma-

aysia (MPOCC), Datuk M Nagarajan; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC), Low Yoke Kiew; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perakayuan Malaysia (MTC), Richard Yu Tuan Chong dan Timbalan Ketua Misi Kedutaan Malaysia di Jepun, Azri Mat Yacob.

Pengeksport minyak sawit terbesar

Pada 2016, Malaysia adalah pengeksport minyak sawit terbesar ke Jepun berjumlah lebih 456,000 tan (72 peratus) diikuti Indonesia (28 peratus).

Olimpik Tokyo 2020 pertimbang MSPO sebagai pensijilan mampan

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

Tokyo, Jepun: Olimpik Tokyo 2020 mempertimbangkan skim Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sebagai pensijilan mampan sebagai memenuhi keperluan mampan dalam penganjuran sukan berprestij itu.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din dijemput oleh Kerajaan Jepun melalui Jawatankuasa Penganjur Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 membentangkan mengenai MSPO untuk dipertimbang sebagai skim kemampanan dalam satu mesyuarat oleh Jawatankuasa Kerja Perolehan Mampan pada Disember 2017, di sini.

Tujuan utama mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perolehan Mam-

pan tersebut adalah untuk membincangkan pemilihan skim pensijilan yang sesuai untuk keperluan perolehan mampan di Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Perolehan Mampan terdiri wakil daripada pelbagai bidang termasuk Kementerian, akademi, kesatuan pengguna, pihak industri dan organisasi bukan kerajaan Jepun.

Elemen kemampanan

Pada tahun 2015, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa telah menetapkan elemen-elemen kemampanan dalam Agenda Olimpik 2020 sebagai salah satu syarat untuk menganjurkan Sukan Olimpik.

Sejajar dengan keputusan itu, Jawatankuasa Penganjur Olimpik Tokyo 2020 telah berikrar untuk menguatkuasakan Agenda Olim-



Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din membentangkan mengenai MSPO dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perolehan Mampan di Tokyo, Jepun.

pik 2020 tersebut dalam mengendalikan persediaan Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Antara elemen yang disebut termasuklah perolehan makanan, peralatan, produk penjagaan diri dan sebagainya, yang mampan untuk digunakan semasa Olimpik Tokyo 2020.

Kerajaan Jepun mengenal pasti tiga skim pensijilan mampan sawit iaitu MSPO, skim Minyak Sawit Mampan Indonesia (ISPO) dan skim Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Mampan (RSPO) untuk pembentangan mengenai skim ma-

sing-masing bagi dipertimbang untuk diguna pakai pada Olimpik Tokyo 2020.

Dalam mesyuarat yang dihadiri Datuk Dr. Kushairi, beliau telah membentangkan usaha-usaha Kerajaan Malaysia dalam memastikan perkembangan industri sawit yang mampan sejak tahun 1980-an sebelum wujudnya skim-skim pensijilan mampan pada tahun 2004.

Usaha berterusan ini diperkuatkan dengan mengguna pakai MSPO pada tahun 2015 yang bertujuan membawa industri sawit, termasuk pekebun kecil ke tahap

kemampanan yang lebih tinggi.

Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) turut memberi insentif kepada pekebun kecil serta syarikat perladangan bagi memastikan kos pensijilan mampan tidak menjejaskan pendapatan penanam ataupun disalurkan kepada pihak pengguna.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perolehan Mampan Tokyo 2020 yang selanjutnya akan diadakan lagi pada tahun 2018 sebelum keputusan terakhir diumumkan oleh pihak Jepun.

Industri sawit perlu kekal relevan

➔ Manfaat teknologi, komunikasi tingkat autopsy, kualiti produk

Oleh Noor Asmawati
Abd Samad
watie@mpob.gov.my

► Bangi

Industri sawit negara digesa bergerak seiring perkembangan global, sejajar kemajuan ekonomi dan teknologi yang bergerak pantas merentasi sempadan dunia untuk terus kekal relevan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata Revolusi Industri 4.0 memberi cabaran bagaimana untuk memanfaatkan kemajuan teknologi dan komunikasi bagi peningkatan prestasi perladangan dan sektor komoditi.

Beliau berkata, selaras Transformasi Nasional 2050 (TN50), industri perladangan perlu memanfaatkan penggunaan teknologi dan rang-

kaian komunikasi bagi meningkatkan amalan automasi, pengeluaran mampan, peningkatan produktiviti dan kualiti produk.

Katanya, Kementerian dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang menggubal pelan transformasi bagi industri sawit sejajar dengan TN50, bagi memastikan kesinambungan industri sawit yang memberi manfaat kemajuan ekonomi bagi kesejahteraan rakyat dan generasi akan datang pada 2050 serta tahun selepasnya.

“Sejajar dengan perancangan kerajaan mempertingkatkan kemajuan dan sumbangan industri sawit, keupayaan bidang penyelidikan yang menjana inovasi baharu menjadi strategi penting pembangunan mampan industri sawit yang menjana pendapatan negara

dan sumbangan kepada industri sawit global.

Peranan MPOB

“Dalam konteks penyelidikan, MPOB adalah peneraju bidang penyelidikan dalam industri sawit yang berperanan penting menjana inovasi, mengemblem strategi dan kerjasama dengan pihak industri serta institusi penyelidikan bagi peningkatan kemajuan industri sawit negara,” katanya berucap pada Majlis Kecemerlangan MPOB, baru-baru ini.

Teks ucapannya dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk K Yogeesvaran.

Siew Keong berkata, sehingga tahun lalu, MPOB menghasilkan lebih 630 teknologi dan inovasi, termasuk pembangunan formulasi produk dan perkhidmatan dalam sektor sawit yang ditawarkan untuk pengkomersialan kepada pihak industri serta syarikat tempatan.

“Usaha pengkomersialan teknologi dilaksanakan MPOB memabatkan kerjasama penyelidikan dengan pihak industri, yang memberi fokus kepada teknologi berorientasikan keperluan pasaran dan kehendak industri.

“Saya yakin kadar pengkomer-

Fakta
nombor

630 TEKNOLOGI

dihasilkan MPOB
sehingga tahun lalu



Yogeesvaran berucap pada majlis Malam Kecemerlangan MPOB 2017.

sialan teknologi MPOB akan dapat ditingkatkan,” katanya.

Kejayaan pengkomersialan teknologi

Siew Keong berkata, kejayaan pengkomersialan teknologi juga memabatkan komitmen penggiat industri dan sektor swasta untuk memanfaatkan penggunaan teknologi yang dihasilkan penyelidik.

Katanya, kesediaan pihak industri menerima pakai teknologi baharu secara menyeluruh dalam rantaian industri sawit akan menyumbang kepada kecekapan pengeluaran dan peningkatan kualiti minyak sawit serta produk keluarannya.

“Dalam sektor perladangan, amalan mekanisasi dan penggunaan jentera dalam kerja penyelenggaraan ladang dan penuaian buah sawit dapat meningkatkan produktiviti pekerja dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia.

“Usaha menjana teknologi dan inovasi kejenteraan ladang perlu ditingkatkan bagi meningkatkan mekanisasi ladang,” katanya.

Beliau berkata, di arena antarabangsa, industri sawit negara terus berdepan kempen anti minyak sawit yang dikaitkan dengan isu pemakanan dan kemampunan.

Susulan itu, katanya, kerajaan komited memastikan industri sawit Malaysia dibangunkan secara mampan.

“Dalam konteks ini, kerajaan menetapkan pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang dilaksanakan secara sukarela pada 2015 akan dilaksanakan secara mandatori pada hujung 2019.

“Pelaksanaan pensijilan MSPO adalah penting bagi memastikan pengeluaran minyak sawit Malaysia secara mampan bagi memperkukuhkan imej minyak sawit negara,” katanya.

Teknologi Ganoderma diiktiraf terbaik 2017

Oleh Noor Asmawati
Abd Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi: Projek penyelidikan bertajuk ‘Green Technology Approaches for Management of Ganoderma Disease in Oil Palm’ dipilih penerima Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB pada Malam Kecemerlangan MPOB 2017 yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Projek penyelidikan diketuai Dr Idris Abu Seman, adalah berkaitan penyelidikan penyakit reput pangkal batang (BSR) atau dikenali penyakit Ganoderma yang menjadi ancaman kepada kemampunan industri sawit negara.

Jika tidak dibendung, anggaran kerugian diakibatkan penyakit ini berdasarkan banciaan dilaksanakan boleh mencecah sehingga RM1.5 bilion setahun.

Hadiah disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk K Yogeesvaran.

Pemenang menerima hadiah wang tunai, piala pusingan, medal emas dan sijil penghargaan kepada setiap ahli kumpulan.



Yogeesvaran bersama pemenang Anugerah Medal Emas Penyelidikan MPOB pada majlis Malam Kecemerlangan MPOB 2017.

Komersial 12 teknologi

Projek penyelidikan berkenaan memberi tumpuan kepada kawalan penyakit secara biologi (BCA) dengan mengenal pasti enam kumpulan utama mikro organisma berpotensi dan memenuhi kriteria BCA Ganoderma.

Dua mikro organisma berjaya dikomersialkan sebagai baja bio GanoEF dan EMBIO™actionPLUS.

Penyelidikan ini berjaya meng-

komersialkan 12 teknologi berkaitan Ganoderma, tujuh Perjanjian Persefahaman (MoU) ditandatangani dan empat teknologi penggunaan mikro organisma dipindahkan kepada syarikat swasta untuk pengeluaran komersial.

Pengkomersialan produk baja bio GanoEF dan EMBIO™actionPLUS, menyumbang dalam pengawalan dan pencegahan penyakit Ganoderma di ladang sawit.

Pendekatan teknologi hijau dalam pengurusan penyakit Ganoderma sawit menawarkan strategi pengurusan lebih selamat, meningkatkan kepelbagaian biodiversiti dengan kaedah mesra alam.

Penganjuran Malam Kecemerlangan MPOB diadakan setiap tahun bertujuan memberi pengiktirafan kepada pegawainya yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pemba-

ngunan (R&D) serta perkhidmatan berkaitan industri sawit.

Setiap tahun, projek penyelidikan dan pengurusan yang diiktiraf cemerlang menerima anugerah dalam 18 kategori.

Antara anugerah lain turut disampaikan ialah Anugerah Kecemerlangan Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah, Anugerah Saintis Cemerlang, Anugerah Saintis Harapan dan Anugerah Penerbitan Terbaik Keseluruhan.

MPOB menang dua anugerah MCY 2017

➔ Pengiktirafan kepada produk terbaik, berinovasi tinggi

Oleh Suraya Mohamad
haz_suraya@mpob.gov.my

▀ Kuala Lumpur

Dua teknologi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya menerima anugerah pada Tahun Pengkomersialan Malaysia 2017 (MCY 2017) anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Teknologi 'Palm-based Chicken Feed' yang diketuai Rohaya Mohamed Halim menerima Anugerah Usahasama Penyelidikan dan Perniagaan serta menerima hadiah trofi, sijil dan wang tunai berjumlah RM130,000, manakala teknologi 'Santan Sawit' yang diketuai Dr Zaida Zainal memenangi hadiah sagu hati bagi kategori Anugerah Usahawan Penyelidik serta menerima trofi, sijil dan wang tunai berjumlah RM50,000.

Anugerah MCY 2017 adalah pengiktirafan dan insentif kepada produk serta teknologi terbaik dan berinovasi tinggi.

Enam kategori dipertandingkan membabitkan nilai hadiah keseluruhan RM1 juta iaitu Anugerah Ulung MCY dan lima kategori lain ialah Anugerah Urusniaga Komersial; Anugerah Penyelidikan dan

Pengkongsian Perniagaan; Anugerah Usahawan Penyelidik dan Anugerah Inovator Baharu yang menawarkan hadiah wang tunai masing-masing RM130,000 serta trofi, cek dan sijil penyertaan.

Selain hadiah utama, beberapa hadiah sagu hati juga disediakan termasuk Anugerah Usahawan Sosial (RM130,000) dan lima hadiah sagu hati dengan setiap satunya bernilai RM50,000.

Penganjuran MCY 2017 bertujuan meningkatkan ekosistem pengkomersialan dengan fokus kepada 'niche market' dan penerokaan pasaran global. Tumpuan khusus kepada teknologi dan penyelidikan yang mempunyai permintaan daripada masyarakat yang tinggi.

Penganjuran MCY 2017 adalah inisiatif kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bertujuan meningkatkan pengkomersialan teknologi yang memberi impak kepada ekonomi negara.

Enam produk

Sebanyak enam teknologi dan produk MPOB yang dikenal pasti dan disenaraikan mengikut inisiatif MCY 2017 iaitu Palm Touch® powder detergents, Santan Sawit Plus, P456 - 1st MPOB Clonal Oil Palm Series MPOB, Nutritious Palm-based Chicken Feed, Hydra-Porter: In-field Transporter For Fresh Fruit Bunches Evacuation dan Palm Tocotrienol Rich Fraction (TRF) Chewable Tablet di antara 133 produk/teknologi daripada agensi dan universiti yang menyertai MCY 2017.

Tiga daripada teknologi/produk



Najib menyampaikan hadiah kepada MPOB bagi kategori Anugerah Usahasama Penyelidikan dan Perniagaan sempena MCY 2017 pada sidang kemuncak Global Entrepreneurship Community (GECCommunity) di Kuala Lumpur.

disenarai pendek untuk penyer-taan Anugerah MCY 2017 yang diadakan sempena sidang kemuncak Global Entrepreneurship Community (GEC) 2017 yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) melalui kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan Kement-

terian Kewangan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Menerusi MCY 2017, 43 agensi/institut penyelidikan, universiti penyelidikan (RU) dan agensi pembangunan teknologi terbabit termasuk MPOB dalam merealisasikan gelombang kedua bagi MCY 2.0 yang bermula pada tahun 2017 hingga 2019 untuk memberi fokus

kepada inisiatif pengkomersialan produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan.

Intipati MCY 2.0 ialah pengkomersialan membabitkan semua peringkat dalam ekosistem penyelidikan sehingga hasil ciptaan dapat dimanfaatkan rakyat dan menyumbang kepada kekayaan baharu negara.

MPOB, POMA pertingkatkan kemampuan kilang sawit

Oleh Wan Hasamudin Wan Hassan dan Hasliyanti Alias
wanhaswh@mpob.gov.my dan
hasliyanti@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengadakan sesi interaksi bersama Gabungan Persatuan-Persatuan Pengilang Kelapa Sawit (POMA) di Ibu pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini.

Sesi dialog ini bertujuan berinteraksi dengan sektor pengilangan sawit bagi membantu MPOB merangka dan melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang seiring dengan keperluan industri serta memenuhi piawaian dan peraturan ditetapkan kerajaan.

Seramai 83 peserta menghadiri dialog berkenaan termasuk 50 ahli POMA yang mewakili wilayah utara, tengah dan selatan Semenanjung Malaysia diketuai Presiden-nya, Khoo Chee Hong.

Dialog ini menerima sambutan memberangsangkan daripada POMA kerana banyak perkara berkaitan isu alam sekitar dibincang dan diperhalusi bagi mematuhi piawaian serta peraturan alam sekitar.

Sesi dialog dipengerusikan Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah turut dihadiri Ketua Pengerah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

Ahmad yang mengalu-alukan kehadiran peserta dialog berkata, program interaksi secara berterusan antara MPOB dengan pihak industri sawit penting dan bertepatan dengan keperluan semasa terutama ketika industri menghadapi pelbagai cabaran termasuk kempen antisawit pada peringkat antarabangsa.

Katanya, sebagai satu langkah untuk membantu pekebun kecil sawit mendapatkan persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MS-PO), MPOB sudah melaksanakan



Ahmad Hamzah (dua dari kiri) mempengerusikan dialog MPOB-POMA di Ibu pejabat MPOB Bangi, baru-baru ini.

Kelompok Sawit Mampan (SPOC).

Permudah usaha pensijilan

"Melalui konsep ini pekebun kecil digabungkan dalam bentuk koperasi yang mana koperasi membeli buah tandan segar (BTS) daripada pekebun kecil dan menjualnya kepada kilang sawit.

"Pendekatan ini dapat memastikan sistem pengumpulan buah tan-

dan segar yang berkualiti dapat dibekalkan kepada kilang sawit, selain mempermudah usaha pensijilan ke atas koperasi pekebun kecil.

POMA kemuka 6 isu utama

"Pihak POMA kali ini mengemukakan enam isu utama yang sebahagian besarnya membabitkan aspek alam sekitar seperti pencemaran amonia ke dalam sungai;

had pelepasan efluen sawit dan pelepasan habuk ke udara yang bakal dikuatkuasakan Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya.

Ahmad Kushairi berkata, JAS memaklumkan peraturan baharu yang diwartakan terhadap industri sawit untuk menjaga kesejahteraan alam sekitar negara, selain mewujudkan ekosistem rantaian bekalan produk sawit sihat dan lestari.

Tablet kunyah tokotrienol sedia dikomersialkan

➔ Minyak sawit semula jadi tokotrienol, sejenis vitamin E



Oleh Nur Affifah Baharim dan Dr Noor Lida Habi Mat Dian
nuraffifah@mpob.gov.my dan nlida@mpob.gov.my

Vitamin E adalah satu daripada mikronutrien penting yang perlu disertakan dalam diet harian untuk memastikan kesejahteraan kesihatan.

Vitamin E membabitkan dua komposisi utama iaitu tokopherol dan tokotrienol. Minyak sawit adalah satu daripada sumber semula jadi yang kaya dengan vitamin E.

Vitamin E yang berasaskan sawit juga dikenali sebagai 'pecahan kaya tokotrienol' (tocotrienol-rich-fraction - TRF) kerana lebih 75 peratus kandungan vitamin E daripada minyak sawit adalah dalam bentuk tokotrienol dan kurang 25 peratus dalam bentuk tokopherol.

Komposisi vitamin E minyak sawit adalah unik berbanding sumber semula jadi vitamin E lain seperti kacang tanah, biji bunga matahari dan kacang soya.

TRF sawit yang kaya dengan vitamin E jenis tokotrienol dapat memberikan fungsi kesihatan yang tidak boleh diberikan tokopherol. Fungsi antioksidan tokotrienol adalah 40 hingga 60 kali lebih tinggi daripada tokopherol.

Kelebihan vitamin E

Vitamin E terutamanya dalam bentuk tokotrienol dapat melindungi sel penting badan daripada kerosakan oksidatif akibat radikal bebas. Selain itu, vitamin E terutama tokotrienol juga mempunyai fungsi melindungi jantung, ginjal dan perut.

Vitamin E terutama tokotrienol juga mempunyai ciri antikanser, antidiabetes dan menurunkan kadar kolesterol darah.

Vitamin E terutama tokotrienol yang menyerap ke dalam badan mampu sampai ke otak untuk memberi perlindungan daripada mendapat serangan strok (angin ahmar), penyakit parkinson, alzheimer dan dementia (nyanyuk).

Vitamin E terutama tokotrienol juga penting untuk perkembangan otak bagi janin dan kanak-kanak berumur tiga tahun ke bawah.

Selain itu, vitamin E juga penting bagi tumbesaran kanak-kanak. Bagi individu berumur 14 tahun dan ke atas, dicadangkan mengambil sebanyak 15 mg (22.4 IU) vitamin E setiap hari untuk menjaga kesejahteraan.

Bagi wanita yang sedang menyusukan bayi, dicadangkan mengambil 20 mg vitamin E setiap hari, malah pengambilan vitamin E adalah penting untuk mengekalkan kesihatan sepanjang hayat.

Vitamin E yang mencukupi adalah penting untuk bayi, warga tua dan wanita hamil atau mungkin hamil.

Kurang vitamin E bawa penyakit

Ramai yang kurang peka dengan penyakit berpunca daripada masalah kekurangan vitamin E. Apa yang lebih membimbangkan, masalah kekurangan vitamin E dalam badan adalah satu isu global yang harus ditangani dengan segera, namun ramai beranggapan melalui pemakanan seharian, masalah kekurangan vitamin E dapat diselesaikan.

Tanggapan ini salah kerana pemakanan seharian tidak dapat membekalkan vitamin E secukupnya yang diperlukan badan.

Antara masalah timbul apabila seseorang individu mengalami masalah kekurangan vitamin E termasuk otot menjadi lemah, degenerasi retina yang boleh menyebabkan masalah buta dan penghantaran maklumat kepada impuls saraf menjadi sukar.

Selain itu, bagi kanak-kanak bawah tiga tahun dan ibu hamil pula, mereka akan mengalami masalah seperti anaemia, pertumbuhan terganggu serta risiko penyakit berjangkit ketika kehamilan terhadap ibu dan bayi dikandung.

Tablet boleh kunyah vitamin E.

Tablet boleh kunyah vitamin E.

Kekurangan vitamin E juga boleh menyebabkan kurangnya fungsi kognitif dalam kalangan kanak-kanak, di samping boleh mengakibatkan masalah saiz otak yang kecil dan pertumbuhan yang terbantut kepada kanak-kanak.

Bagi dewasa dan warga emas pula, kekurangan vitamin E dalam badan boleh menyebabkan dan berisiko tinggi menghadapi penyakit dementia (nyanyuk) dan alzheimer, malah kekurangan vitamin E yang serius boleh menyebabkan kematian.

Susulan itu, bagi mengatasi masalah ini, antara penyelesaian adalah dengan mengamalkan diet harian mengandungi bahan berasaskan minyak sawit yang kaya dengan vitamin E tokotrienol yang mudah, cepat dan berkesan melalui pengambilan 'makanan tambahan' seperti kapsul tokotrienol.

Namun, bukan semua individu berupaya menelan makanan tambahan terutama kanak-kanak. Bagi menangani masalah ini, penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) diketuai Dr Noor Lida Habi Mat Dian, dibantu pela-

jar peringkat doktor falsafah (PhD), Wan Suet Ying berjaya menghasilkan teknologi terbaru vitamin E sawit sebagai makanan tambahan dalam bentuk tablet boleh kunyah yang dapat dinikmati pada bila-bila masa.

Formulasi tablet boleh kunyah tokotrienol yang dihasilkan mengandungi kadar vitamin E terutama tokotrienol yang mencukupi untuk pelbagai peringkat usia dan pelbagai keperluan kesihatan.

Formulasi dihasilkan mampu menstabilkan kandungan vitamin E dalam tablet sehingga dua tahun, dengan kadar kehilangan atau kemusnahan vitamin E yang rendah.

Kestabilan vitamin E ketika penyimpanan produk mengandungi vitamin E adalah sangat penting kerana tanpa formulasi betul, vitamin E akan hilang dan ia tidak

bermanfaat kepada kesihatan.

Bagi memberikan kesan lebih baik kepada tubuh badan, tablet boleh kunyah tokotrienol sawit ini juga boleh diperkaya dengan pelbagai bahan nutrisi yang bagus untuk kesihatan seperti pelbagai jenis vitamin, mineral, asid lemak perlu, asid amino dan pelbagai bahan bioaktif lain.

Antara kelebihan lain tablet boleh kunyah Vitamin E sawit termasuk ia berkhasiat, menyihatkan, pelbagai perisa dan sedap, selain membantu menambah pengambilan vitamin E dalam badan, sekali gus menangani masalah kekurangan vitamin E.

Lebih membanggakan, berbeza dengan tablet normal yang biasa terutamanya dalam perut, tablet boleh kunyah ini boleh terurai di dalam mulut sama ada dengan dikunyah mahupun tidak.

Kajian klinikal bagi menentukan kadar penyerapan vitamin E sawit terutamanya tokotrienol daripada tablet boleh kunyah vitamin E sawit ke dalam sistem badan sedang dijalankan.

Tablet boleh kunyah ini dibuat khas untuk kanak-kanak, remaja, wanita mengandung dan menyusu bayi serta individu yang mementingkan kesihatan dan kecantikan secara amnya.

Teknologi penghasilan dan formulasi tablet boleh kunyah vitamin E sawit sudah dipatenkan dan sedia untuk dikomersialkan kepada pihak industri terutama Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Untuk maklumat lanjut berkaitan teknologi ini, sila hubungi penyelidik, Dr Noor Lida Habi Mat Dian melalui email nlida@mpob.gov.my.



Papan gentian ketumpatan tinggi berasaskan sawit



Oleh Zawawi Ibrahim
zawawi@mpob.gov.my

Pada tahun 2016, sejumlah 86.3 juta tan tandan sawit segar diproses kilang kelapa sawit di Malaysia (MPOB, 2017), dan menghasilkan lebih enam juta tan berat kering tandan kosong (EFB).

Pada masa ini, EFB digunakan sebagai baja organik dalam ladang tetapi ia mempunyai potensi risiko penyebab perosak dan penyakit.

Selain dari mulsa untuk kegunaan ladang, gentian EFB juga digunakan untuk aplikasi khusus untuk sektor pertanian seperti tikar serat. Bagaimanapun, harga jualan gentian EFB tidak dapat mengimbangi kos pemrosesan disebabkan pasaran terhad. Satu pendekatan menggunakan gentian EFB sebagai bahan mentah alternatif kepada kayu untuk pengeluaran bio komposit.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) membangunkan papan panel berprestasi tinggi yang dinamakan papan gentian ketumpatan tinggi (HDF). Produk ini mempunyai ketumpatan tinggi, sifat mekanikal

dan fizikal yang lebih baik dan stabil berbanding papan panel lain seperti papan ketumpatan sederhana (MDF) dan papan partikel.

Selain itu, ia juga mempunyai tahap pelepasan formaldehid yang rendah. Jadi, produk ini sesuai digunakan untuk kegunaan lantai.

Proses penghasilan HDF

Serat EFB berukuran 50 milimeter (mm) panjang dicampurkan dengan cip kayu dengan nisbah campuran berbeza daripada 10 peratus hingga 40 peratus. Cip kayu tropika diletakkan pada nisbah 30 peratus, manakala peratusan cip kayu getah berbeza mengikut nisbah serat EFB.

Semua bahan ini dicampur sebelum diproses menggunakan tekanan stim pada tekanan 5 - 6 bar selama lima minit menggunakan mesin thermo mechanical refiner, seterusnya dikisar menjadi serat halus.

Selepas diproses, gentian dicerincing menggunakan pemanas (empat peratus kandungan kelembapan) dan kemudian dicampur perekat melamin urea formaldehid (MUF, E1 standard pelepasan formaldehid) dan lilin emulsi dalam penga-

dun mekanikal.

Setelah perekat dicampurkan, campuran serat itu sudah dibentuk menjadi mat dan ditekan menggunakan penekan panas pada suhu 200 C selama lima minit sehingga mat itu mencapai ketebalan 8 mm.

Info

Manfaat/Kelebihan

➔ Produk ini sesuai untuk kegunaan

lantai dan boleh menanggung beban tinggi kerana ia berketumpatan tinggi dan sangat tahan kelembapan.

➔ Serat EFB sebagai bahan mentah alternatif kepada kayu untuk industri berasaskan serat.

➔ EFB menawarkan kos bahan lebih rendah dan bekalan banyak berbanding kayu

➔ Memperluaskan penggunaan biojisim sawit untuk pelbagai produk, seterusnya menghasilkan pendapatan tambahan bagi industri.

Sifat Produk

➔ Dengan peratusan EFB sehingga 30 peratus, sifat mekanikal dan ikatan dalam produk ini dapat memenuhi keperluan piawai seperti dinyatakan dalam JIS A 5905: 2003.

➔ Bagaimanapun, papan dihasilkan dengan peratusan EFB melebihi 30 peratus gagal memenuhi standard sifat fizikal (TS). Jadi, untuk pengeluaran produk ini, secara teknikal nisbah maksimum bagi serat EFB adalah sehingga 30 peratus.

Untuk maklumat lanjut berkaitan teknologi ini, sila hubungi penyelidik, Zawawi Ibrahim melalui email zawawi@mpob.gov.my.

PALM OIL ECONOMIC REVIEW & OUTLOOK SEMINAR 2018

Organized by MPOB



This annual event will highlight the performance of Malaysia's palm oil industry in 2017 and its prospects for the current year, as well as focusing on government initiatives to help enhance the industry's competitiveness and sustainability.

18 January 2018 (Thursday)
Putrajaya Marriot Hotel

To be officiated by
YB Datuk Seri Mah Siew Keong
Minister of Plantation Industries & Commodities



REGISTER NOW!
RM1,060
inclusive of GST

Deadline
10 January 2018

For enquiries or to register, please contact:
Nurul Aishah Musa/Siti Aishah Marjunid
☎ 03-8769 4568/03-8769 4326 ☎ 03-8925 7549/03-8926 1202
✉ nurul.aishah.musa@mpob.gov.my/sitah@mpob.gov.my

www.mpob.gov.my

Anugerah Saintis Cemerlang hargai dua saintis

➔ Hasil kajian beri impak kepada teknologi makanan, kemampuan industri sawit

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

► Bangi

Malam Kecemerlangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada bulan lalu yang berlangsung di sini, menyaksikan kejayaan dua saintis, Dr Zaliha Omar dan Dr Vijaya Subramaniam yang menerima Anugerah Saintis Cemerlang MPOB. Anugerah itu disampaikan Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Anugerah Saintis Cemerlang berprinsipkan kecemerlangan sains dan dilihat mampu memberi impak serta perubahan besar ke-

pada industri ini, khususnya komoditi sawit.

Anugerah seumpama ini diwujudkan bagi mengiktiraf individu yang mencapai kecemerlangan sains ke tahap kepakaran dalam bidang masing-masing seperti dibuktikan kedua-dua saintis MPOB yang mewarnai industri dengan kajian dan penyelidikan yang cemerlang.

Miliki pengalaman luas

Zaliha, 59, adalah Pegawai Penyelidik Kanan dari Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, PDAS, yang berkhidmat selama 35 tahun di MPOB dan kini bertugas di Unit Analitikal dan Pembangunan Kualiti.

Beliau yang mula berkhidmat di MPOB sejak tahun 1982 berkelulusan ijazah dalam bidang Sains Gunaan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), selain memiliki sarjana kedoktoran (PhD) dalam Sains Gunaan (Oils & Fats) juga daripada UiTM.

Kepakaran beliau dalam program pengkristalan membabitkan pemahaman ciri asas sains dan kualiti minyak sawit serta minyak sayuran lain, proses penyulingan

dan penapisan minyak sawit serta kaedah modifikasi minyak sawit mengikut penyesuaian produk berasaskan minyak sawit.

Sementara itu, Vijaya, 42, berkelulusan sarjana muda dalam bidang Kimia juga pemegang Ijazah Sarjana dan PhD dalam bidang Sains Persekitaran dan menyumbangkan khidmat selama 15 tahun di MPOB.

Beliau adalah Pegawai Penyelidik Kanan dari Bahagian Penyelidikan Kejuruteraan dan Pemprosesan MPOB dan kini ditempatkan di Unit Tenaga dan Persekitaran.

Vijaya menyertai MPOB sejak tahun 2002 dan kepakaran beliau dalam Penilaian Kitar Hayat (LCA) adalah antara sumbangan signifikan beliau dalam industri sawit.

Selain itu, antara kepakaran lain Vijaya adalah jejak air (water footprint), jejak karbon (carbon footprint), jejak persekitaran produk, kemampuan dan perubahan iklim, pengekstrakan minyak residu sawit dan penilaian kitar hayat sosial (SLCA) bagi industri sawit.

Kedua-dua pemenang membawa pulang hadiah tunai berjumlah RM10,000, trofi dan sijil penghargaan.



Ahmad Hamzah menyampaikan anugerah kepada Dr Zaliha pada Malam Kecemerlangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).



Ahmad Hamzah menyampaikan anugerah kepada Dr Vijaya pada Malam Kecemerlangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).



Antara peserta yang mengambil bahagian dalam Larian 100 Tahun Industri Sawit di Lahad Datu.

700 sertai larian 100 tahun industri sawit negara

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

Lahad Datu: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (MPIC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya menganjurkan Larian 100 Tahun Industri Sawit sempena sambutan ulang tahun 100 tahun penanaman sawit secara komersial (1917-2017).

Larian 100 Tahun Industri Sawit yang dirasmikan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, di sini, baru-baru ini, diadakan secara bersiri bermula di Lahad Datu, Sabah dan seterusnya di Putrajaya serta Kuching, Sarawak.

Penganjuran Larian 100 Tahun Industri Sawit itu membabitkan jarak sejauh enam kilometer dan

menarik perhatian lebih 700 peserta sektor komoditi, kakitangan jabatan kerajaan dan swasta, pelajar serta orang ramai sekitar daerah ini.

Sambutan 100 Tahun

Sebanyak lima kategori dipertandingkan terbahagi kepada Lelaki; Wanita; Veteran Lelaki; Veteran Wanita dan pelajar sekolah menengah yang menawarkan hadiah produk berasaskan sawit seperti minyak sawit merah, minyak masak, barangan elektrik, medal serta sijil penyertaan kepada pemenang.

Acara sampingan sempena larian ini membabitkan beberapa aktiviti persatuan sukan dan rekreasi daerah Lahad Datu seperti berbasikal, pertandingan bola sepak sembilan sebelah, dart serta keusahawanan, selain aktiviti bergambar di 'photobooth' dan pameran mini bagi perkongsian

maklumat berkaitan industri sawit.

Larian 100 Tahun Industri Sawit diadakan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sempena sambutan 100 Tahun Industri Sawit Malaysia, MPIC dan MPOB, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) serta Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) turut menganjurkan pelbagai program dan aktiviti membabitkan majlis pelancaran oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 18 Mei lalu, pengeluaran setem dan syiling peringatan, penerbitan buku bergambar 'Coffee Table Book' dan program publisiti bagi memberi pendedahan meluas industri sawit sebagai tunggak komoditi utama negara yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Minggu Inovasi & Kecemerlangan 2017 iktiraf pegawai cemerlang

➔ Tiga aspek utama penentu pencapaian, kecemerlangan organisasi

Oleh Noor Asmawati Abd Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi

Inovasi adalah kunci kejayaan organisasi dan berperanan melonjakkan kemajuan serta mengukuhkan kedudukan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk bersaing pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, berkata inovasi yang dihasilkan bukan saja bertujuan menyertai pertandingan atau bagi mendapat pengiktirafan semata-mata tetapi tumpuan perlu diberi kepada galakan berterusan untuk meningkatkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam.

“Keperluan, dorongan dan sumber adalah tiga aspek utama penentu pencapaian dan kecemerlangan organisasi jika dikendalikan dengan

cepat serta berintegriti,” katanya berucap merasmikan Program Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB, di sini, baru-baru ini.

Perubahan sosial

Ahmad Kushairi berkata, perkhidmatan awam pada masa ini menghadapi cabaran yang kompleks berikutan perubahan sosial dan ekonomi dunia yang menuntut sistem penyampaian lebih inovatif ke arah menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan serta pihak berkepentingan.

Katanya, terdapat keperluan berterusan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerana tuntutan pelanggan sentiasa meningkat, menyebabkan warga MPOB perlu sentiasa memikirkan cara dan strategi bagi menangani cabaran ini.

“Ini selaras dengan saranan kerajaan mentransformasi sektor perkhidmatan awam dan inovasi adalah salah satu daripada nilai asas bagi membudayakan kreativiti serta inovasi.

“Organisasi besar seperti MPOB berdepan cabaran sama ada pada peringkat nasional dan antarabangsa membabitkan perkhidmatan kepada pelanggan atau pemegang taruh berkaitan industri sawit.”



Ahmad Kushairi (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada pegawai cemerlang pada majlis perasmian Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB 2017.

“MPOB berhadapan tuntutan pihak industri bagi pelaksanaan usaha penyelidikan dan pembangunan serta penguatkuasaan peraturan.

Kempen antiminyak sawit

“Cabaran utama pada peringkat antarabangsa pula bagi menangani usaha pelbagai pihak yang memburukkan industri sawit negara dengan kempen antiminyak sawit, isu pemuliharaan alam sekitar dan kemampunan minyak sawit,” katanya.

Penganjuran Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB 2017 menyediakan peluang kepada warga MPOB meningkatkan kualiti terutama dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mencari ruang menambah baik hasil R&D dan perkhidmatan, sekali gus mengangkat MPOB menjadi institusi penyelidikan cemerlang.

Program selama seminggu itu, membariskan aktiviti membabitkan warga MPOB pelbagai peringkat

termasuk Hari Kesihatan dan Kebersihan; Malam Kecemerlangan MPOB 2017; MPOB Innovation Treasure Hunt dan Hari Keluarga MPOB.

Program Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB 2017 bertema ‘Minyak Sawit Malaysia Kebanggaan dan Pencapaian Kita’ itu diharap akan memberi inspirasi kepada semua pihak meningkatkan kualiti serta mencari peluang dan ruang terutama dalam aktiviti R&D.

RAC rangka hala tuju R&D PORTSIM Shanghai

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

Shanghai: Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan (RAC) bagi Institut Penyelidikan dan Perkhidmatan Teknikal Sawit MPOB (PORTSIM) Shanghai, China mengadakan mesyuarat tahunan bagi merangka hala tuju program penyelidikan dijalankan pusat itu.

Mesyuarat RAC kali ke-11 itu dipengerusikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, di sini, baru-baru ini.

Tetapkan hala tuju

RAC yang diadakan setiap tahun adalah mekanisme PORTSIM untuk memastikan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan MPOB di China mempunyai hala tuju dan strategi bertepatan bagi mengukuhkan kedudukan minyak sawit Malaysia di pasaran China.

RAC menetapkan hala tuju penyelidikan PORTSIM China untuk

mengembangkan aplikasi produk sawit dalam sektor hiliran makanan dan makanan ternakan di China yang bernilai tinggi.

Pasaran baharu

Sehingga kini, terdapat 38 projek R&D berjaya disiapkan dengan usaha sama di antara PORTSIM, institusi dan pihak industri tempatan termasuk penghasilan 19 produk sawit yang dikomersialkan di China.

Program RAC ini bukan saja dapat membuka pasaran baharu bagi minyak sawit di China, malah ia juga meningkatkan daya saing minyak sawit Malaysia sebagai bahan mentah terbaik dalam sektor industri makanan China.

Turut serta dalam mesyuarat RAC ialah Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, pakar makanan dari Malaysia dan China serta saintis daripada PORTSIM China.



Ahmad Kushairi dan isteri bergambar bersama pelawak kumpulan Zero pada Hari Keluarga MPOB di Bangi, baru-baru ini.

Hari Keluarga MPOB erat silaturahim

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi: Lebih 1,700 warga MPOB bersama ahli keluarga masing-masing hadir memeriahkan sambutan Hari Keluarga MPOB 2017 yang diadakan di ibu pejabatnya, di sini baru-baru ini.

Program yang menyajikan pelbagai aktiviti itu ternyata meriah dan mengujakan ahli keluarga yang hadir.

Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika berucap merasmikan program berkenaan berkata, sambutan hari keluarga ada-

lah penting bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara warga MPOB.

Katanya, semua aktiviti yang diatur dapat mengeratkan hubungan yang sedia terjalin dalam kalangan warga MPOB di samping merapatkan jurang antara generasi lama dan baharu.

“Penganjuran program riadah dan sosial membabitkan keluarga bertujuan memupuk hubungan mesra di samping merangsang semangat dan daya saing untuk terus bergerak maju dan cemerlang,” katanya.

Program sehari itu diserikan dengan pelbagai aktiviti seperti sukaneka, gerai permainan, taya-

ngan filem, ‘petting zoo’ dan gerai jualan produk kegunaan harian.

Program turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din bersama keluarga.

Warga MPOB juga berkesempatan beramah mesra dengan atlet negara yang mengharumkan nama Malaysia di pentas Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 iaitu penerjun negara, Nur Dhabitah Sabri dan pemain skuad bola jaring kebangsaan, Norashikin Kamalzaman.

Hari keluarga turut diserikan dengan kemunculan pelawak kumpulan Zero dan penyanyi, Ara Johari yang menghiburkan dengan persembahan bersahaja mereka.



Industri makanan, pengguna peka komitmen Malaysia terhadap minyak sawit mampan



Fakta menarik tentang khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia



Untuk maklumat lanjut, lawati www.mpoc.org.my

Penerbitan berkaitan industri makanan dan media pengguna sekarang ini semakin rancak melaporkan berita positif mengenai Malaysia dan komitmennya membekalkan minyak sawit mampan ke seluruh dunia.

Apabila pemberita dan penganalisis produk makanan mula memahami apa yang dimaksudkan dengan minyak sawit mampan, mereka mula memberi tumpuan lebih dalam mendidik pengilang makanan dan pengguna berhubung 'minyak yang lebih baik' dan kenapa ia harus diperolehi dari Malaysia.

Satu daripada contoh pengguna Amerika Syarikat mengetahui minyak sawit mampan Malaysia melalui pakar pemakanan berdaftar dari Amerika Syarikat, Felicia Stoler.

Beliau menjelaskan minyak sawit mampan Malaysia yang memperoleh sijil dalam sebuah rancangan televisyen terbitan NBC, San Antonio Living.

Stoler berkata, minyak sawit Malaysia antara bahan yang digunakan dalam banyak produk makanan yang dibungkus.

Pengalaman lihat tanaman sawit di Malaysia

"Saya pernah ke Malaysia dan melihat sendiri pokok sawit tumbuh dan membesar; ia amat menakutkan, pokok hidup selama 30 tahun, buah-buahannya pula sentiasa terhasil dan baik untuk anda. Beta karotena, tokotrienol, vitamin E - semuanya ini terkandung dalam buah sawit," katanya kepada penonton.

Ahli industri juga sedar tentang kepentingan dan faedah minyak sawit Malaysia yang dipersijilkan. Satu wawancara dengan Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dr Kalyana Sundram, yang diterbitkan dalam *FoodIngredientsFirst* membincangkan bagaimana dengan mewajibkan pensijilan minyak sawit menjelang 1 Januari 2020, industri minyak sawit Malaysia akan memfokuskan perhatian dunia ke atas aspek kemampuan eksport utama Malaysia itu.

Kalyana berkata, pensijilan MSPO adalah satu pendekatan yang diambil Malaysia sebagai pelopor dalam pensijilan minyak sawit di dunia.

"Kami sengaja membuka jalan bagi negara lain yang bergantung kepada kesahihan dan ketulenan produk mereka, seperti Itali de-

ngan minyak zaitunnya, untuk meyakinkan rakan perniagaan dan juga pengguna bahawa produk keluaran mereka adalah tulen dan dihasilkan secara bertanggungjawab.

"Kami ingin menjangkau setiap entiti dalam rantaian bekalan, terutama untuk meyakinkan pengguna bahawa minyak sawit Malaysia dihasilkan secara mampan, selamat digunakan dan berkhasiat," katanya.

Pengguna juga dapat membuat kesimpulan jelas antara kesihatan mereka dan kesejahteraan alam sekitar.

Ini membuka ruang lebih luas bagi minyak sawit mampan Malaysia yang mempunyai sijil, mempunyai kelebihan dari aspek kesihatan dan alam sekitar berbanding minyak makan lain.

Sumber:

<http://www.palmoilhealth.org/news/in-the-news/food-industry-consumers-hear-malysias-commitment-sustainable-palm-oil/>



Kami sengaja membuka jalan bagi negara lain yang bergantung kepada kesahihan dan ketulenan produk mereka, seperti Itali dengan minyak zaitunnya, untuk meyakinkan rakan perniagaan dan juga pengguna bahawa produk keluaran mereka adalah tulen dan dihasilkan secara bertanggungjawab. Kami ingin menjangkau setiap entiti dalam rantaian bekalan, terutama untuk meyakinkan pengguna bahawa minyak sawit Malaysia dihasilkan secara mampan, selamat digunakan dan berkhasiat"

Dr Kalyana Sundram,
Ketua Pegawai Eksekutif MPOC

Minyak sawit pelbagai guna dan sesuai untuk pelbagai hidangan

Tidak dapat dinafikan minyak sawit merupakan minyak yang paling banyak diproduksikan dan diperdagangkan di dunia, sekitar 40% minyak sawit digunakan dalam industri pembuatan makanan seperti marjerin, santan sawit dan aiskrim. Hal ini secara tidak langsung telah meningkatkan permintaan minyak sawit di seluruh dunia.

Penggunaan minyak sawit dalam pembuatan makanan jelas menunjukkan bahawa minyak sawit mempunyai banyak kebaikan untuk kehidupan masyarakat. Hal ini juga telah menjadikan kelapa sawit sebagai salah satu komoditi pertanian utama bagi Malaysia kerana perkembangannya yang cukup pesat. Pada umumnya, minyak sawit mendapat tempat di hati pengeluar makanan kerana pengeluarannya melalui proses yang menggunakan teknologi moden disamping minyak yang berkualiti.

Pelbagai hidangan yang ada di Malaysia rata-rata menggunakan minyak sawit sebagai bahan asas dalam pembuatan. Contohnya dalam pembuatan makanan ringan seperti aiskrim. Walaupun lemak susu adalah bahan paling sesuai digunakan dalam pembuatan aiskrim, minyak sayuran yang diadun secara tidak langsung boleh dijadikan sebagai bahan alternatif. Penggunaan minyak sawit dalam pembuatan aiskrim ini bukan sahaja dapat menghasilkan aiskrim yang lembut dan gebu tetapi pada masa yang sama menjadikan aiskrim itu lebih tahan lama dan tidak mudah rosak. Bahkan penghasilan aiskrim dari bahan yang berkualiti akan menjadi tarikan kepada



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Iszuaneeza Ismail
SMK Taman Kota Jaya,
Kota Tinggi, Johor

penggemar aiskrim. Oleh itu, dapat kita saksikan bahawa penggunaan minyak sawit dalam pembuatan makanan merupakan langkah yang gramatis dan proaktif dalam menghasilkan makanan yang berkualiti.

Seterusnya, kajian jelas menunjukkan bahawa minyak sawit boleh mengembalikkan pengerasan arteri dengan pembersihan plak. Penggunaan minyak sawit dalam makanan dapat mengurangkan kolesterol darah berbanding dengan sumber-sumber tradisional lain seperti minyak kelapa, tenusu dan lemak haiwan malahan minyak sawit berupaya menguatkan jantung pengguna.

Penghasilan makanan yang menggunakan minyak sawit dapat memberikan banyak faedah kepada pelbagai makanan kerana minyak sawit mempunyai antioksidan yang semula jadi, ia juga mempunyai kadar nisbah yang seimbang antara asid lemak tepu dan tidak tepu dan memiliki kandungan yang rendah asid lemak tidak stabil seperti asid linoleik.

Kebaikan yang terdapat pada minyak sawit

secara tidak langsung dapat meningkatkan kestabilan rasa makanan dan menjadikan makanan tahan lebih lama.

Selain baik untuk kolesterol, minyak sawit merupakan minyak yang berkhasiat kerana ia kaya dengan antioksidan yang kuat. Antioksidan penting untuk fungsi harian badan kerana ia mampu untuk melindungi tubuh daripada radikal bebas yang boleh menyebabkan kanser dan penyakit kronik. Menurut kajian baru-baru ini oleh Profesor KK Carroll dari pusat pemakanan manusia di University of Western Ontario menyatakan, bahan seperti tokotrienol yang terdapat dalam minyak sawit adalah agen anti-kanser yang berkesan dan memberi justifikasi yang mencukupi untuk ujian klinikal pada pesakit kanser. Bahan lain yang terdapat dalam minyak sawit iaitu tokoferol yang mana mempunyai manfaat penyembuhan di peringkat selular. Ia juga antioksidan yang melindungi membran sel dan juga membantu agar sel manusia dapat hidup secara sihat.

Masyarakat sudah mengetahui bahawa lemak sangat penting untuk pemakanan seharian kita. Hal ini demikian kerana lemak adalah sumber tenaga yang membolehkan sel-sel dan sistem saraf berfungsi. Oleh itu, penggunaan minyak sawit berkait rapat dengan lemak yang ada di dalam makanan seharian kita. Minyak sawit mempunyai lemak tepu yang mana mempunyai kesan yang baik terhadap tahap kolesterol seseorang, lemak yang terdapat dalam sawit membantu kolesterol LDL menjadi rendah disamping meningkatkan kolesterol HDL.

Penggunaan minyak sawit dalam hidangan penuh keperluan khasiat pemakanan

Dewasa ini, masyarakat sering dimomokkan dengan keburukan penggunaan minyak sawit dalam hidangan. Polemik sebegini banyak tersebar di alam maya sehingga adakalanya masyarakat merasakan bimbang setiap kali ingin menggunakan minyak sawit. Walhal, semua dakwah ini hanyalah rekaan sesetengah pihak, semata-mata untuk memburukkan minyak sawit. Oleh itu, perkara ini wajar ditolak sepenuhnya memandangkan masyarakat harus ambil tahu penggunaan minyak sawit dalam hidangan mampu memenuhi keperluan khasiat pemakanan.

Hal ini benar memandangkan minyak sawit mempunyai kelebihan yang tersendiri terutama dalam formulasi makanan. Sebagai contoh, komposisi minyak sawit mengandungi 40 hingga 45 peratus lemak tepu (asid palmitik), 39 hingga 40 peratus asid lemak (asid oleik) dan 10 hingga 11 peratus asid lemak (asid lenolik). Ketiga-tiga lemak yang dinyatakan ini apabila digabung akan mewujudkan lemak mono tak tepu yang mana sifatnya mudah terurai dan akan meningkatkan kolesterol baik dalam badan. Sehubungan dengan itu, kandungan oleik apabila digunakan dalam hidangan akan menyebabkan seseorang dapat menghindarkan daripada penyakit jantung. Dek kerana itulah, minyak sawit apabila digunakan dalam hidangan secara tidak langsung dapat membantu membekalkan disamping mencukupkan keperluan khasiat pemakanan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Noraini Ismail
Dungun, Terengganu

nan diperlukan badan.

Dalam pada itu, penggunaan minyak sawit dalam hidangan juga tidak perlu diragui kerana ia sememangnya bebas kolesterol. Sebuah organisasi yang berpengaruh ke atas polisi kesihatan jantung di Amerika Syarikat (AS), American Heart Association (AHA) pernah menjalankan kajian ke atas kandungan khasiat pemakanan yang ada di dalam minyak sawit. Hasilnya, AHA amat mengesyorkan penggunaan minyak sawit dalam hidangan kerana minyak sawit digunakan sebagai sebahagian dari pemakanan rendah lemak (30%) tenaga dan terbukti mampu menyekat paras kolesterol dalam aliran darah. Malah, kajian di peringkat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga menunjukkan penggunaan minyak sawit dalam hidangan membolehkan berlakunya peningkatan kolesterol baik (HDL) dalam badan. Sementelahan, peningkatan HDL dalam badan akan memberi impak yang baik kepada kesihatan seseorang. Justeru, sudah tentu

lah minyak sawit mampu memenuhi keperluan khasiat pemakanan apalagi jika ia digunakan dalam penyediaan makanan.

Sementara itu, tidak dinafikan kita sememangnya memerlukan kandungan vitamin yang lengkap dalam tubuh badan. Kekurangan vitamin akan menjurus kepada badan menjadi lemah selain mudah terdedah kepada penyakit. Walau bagaimanapun, kandungan vitamin yang terkandung dalam hidangan mampu memenuhi keperluan kesihatan pemakanan. Kandungan vitamin E-tokotrienol yang tinggi terdapat secara semula jadi dalam minyak sawit. Vitamin ini penting dalam kalangan penggemar barangan kecantikan kerana ianya bukan sahaja memberikan kelebihan dari sudut menjadikan kulit lebih sihat, bahkan juga melambatkan proses penuaan.

Tidak kurang juga kandungan Karatenoid Pro-Vitamin A yang terdapat dalam minyak sawit. Kegunaannya dalam hidangan berupaya membantu mencegah penyakit kanser atau serangan strok. Jika dibandingkan vitamin Pro-A di dalam minyak sawit merah dengan karatenoid yang berada di dalam minyak sawit, nisbahnya pula pada kadaran 1:300. Justifikasinya, ternyata minyak sawit mempunyai kandungan karatenoid yang tinggi berbanding yang lain. Hal ini sudah tentu menjadi sebab dominan mengapa penggunaan minyak sawit dapat memenuhi di samping mencukupkan keperluan khasiat pemakanan.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN JANUARI 2018

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Pelbagai cabaran memajukan industri sawit negara. Bincangkan".

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama : **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua : **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga : **RM150**

Kategori 2 – Awam
Tajuk: "Industri sawit negara gagah harungi cabaran untuk kekal di persada dunia. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan FEBRUARI 2018 akan datang.

KEPUTUSAN PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN DISEMBER 2017

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Iszuaneeza Ismail
SMK Taman Kota Jaya
Kota Tinggi, Johor

Hadiah Kedua
Syafiah Asilah Salleh
MRSM Taiping
Taiping, Perak

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Noraini Ismail
Dungun, Terengganu

Hadiah Kedua
Tan Jia Jui
Sungai Petani, Kedah

Hadiah Ketiga
Mohammad Suffian Fauzi
Kuala Terengganu, Terengganu

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei di antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor telefon, alamat email (jika ada) nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport.
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 25 Januari 2018.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: **Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)**
Email: **watie@mpob.gov.my**



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berswafoto bersama para pelatih Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) yang menerima sijil masing-masing pada majlis penganugerahan Sijil Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) di Putrajaya, baru-baru ini.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur memantapkan badan sebelum memulakan acara Larian 100 Tahun Industri Sawit yang diadakan di Lahad Datu, Sabah pada akhir tahun 2017.



Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk K. Yogesvaran dan **Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din** bersama pemenang Anugerah Kecemerlangan Sains Piala Pusingan Ketua Pengarah sempena Malam Kecemerlangan MPOB 2017 di Bangi, baru-baru ini.



Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah bersama **Datuk Dr Ahmad Kushairi Din** memotong kek sempena perasmian Program Hari Keluarga MPOB di Bangi, baru-baru ini.



Datuk Dr Ahmad Kushairi Din bersama pemenang Anugerah Khas Ketua Pengarah yang disampaikan sempena Majlis Perasmian Minggu Inovasi dan Kecemerlangan MPOB 2017, di Bangi, Selangor.